

03 MAR 1998

Penggiliran (Analisis Berita Dengan Gambar)

KURUP ATAU DOMPOK: TEKA-TEKI KETUA MENTERI BARU BERTERUSAN...

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 3 Mac (Bernama) -- Kira-kira tiga bulan dari sekarang, Sabah akan sekali lagi mempunyai Ketua Menteri yang baru, kali ini seorang pemimpin dari kaum Kadazandusun, apabila fasa ketiga sistem penggiliran jawatan itu dilaksanakan.

Sistem itu merupakan janji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakyat Sabah bagi memberi peluang kepada tiga kaum utama di negeri itu -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- untuk menerajui kerajaan negeri ini.

Tetapi fasa penggiliran kali ketiga ini dalam empat tahun itu mempunyai teka-teki dan drama yang tersendiri.

Tidak seperti dua fasa penggiliran sebelumnya, kali ini tiada siapa pun di Sabah yang tahu dengan pasti siapa antara dua pemimpin Kadazandusun dalam Barisan Nasional (BN) yang bakal menduduki "kerusi panas" itu.

Mereka yang disebut-sebut ialah Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Datuk Joseph Kurup yang juga Timbalan Ketua Menteri, dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Tan Sri Bernard Dompok, yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS).

Amat sukar bagi pemerhati politik untuk tidak membuat perbandingan antara kedua-dua tokoh itu, lebih-lebih lagi kerana kedua-duanya mempunyai kelebihan tersendiri dalam kerajaan negeri.

Kelebihan Kurup ialah kerana menduduki jawatan kanan dalam kabinet Sabah walaupun hanya mempunyai dua orang wakil dalam Dewan Undangan Negeri termasuk Kurup sendiri.

Dompok pula dengan kekuatan 11 anggota parti di Dewan Undangan Negeri dan ditambah pula dengan beberapa kejayaan PDS dalam pembangunan masyarakat Kadazandusun termasuk penubuhan Yayasan Bahasa Kadazandusun, Kadazandusun Chamber of Commerce and Industry (KCCI) dan pengajaran bahasa Kadazandusun di Sabah mulai tahun lepas.

Dua fasa penggiliran jawatan itu sebelum ini menyaksikan pelantikan dibuat dari kalangan penyandang jawatan Timbalan Ketua Menteri ketika itu.

Datuk Salleh Said Keruak menggantikan Tun Sakaran Dandai selepas Sakaran dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri dan Datuk Yong Teck Lee (Ketua Menteri Sabah sekarang) pula menggantikan Salleh selepas tempoh untuk Bumiputera Islam berakhir.

Jika tradisi ini diambil kira, Kurup sememangnya mempunyai peluang cerah, tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini membayangkan bahawa pelantikan Ketua Menteri baru tidak semestinya berlangsung mengikut tradisi itu.

Dr Mahathir berkata: "Yang kita janji ialah penggiliran jawatan Ketua Menteri antara tiga kaum di Sabah. Soal sama ada dia timbalan (Ketua Menteri) atau bukan timbalan (Ketua Menteri), adalah soal lain."

Kenyataan Perdana Menteri itu dilihat kalangan pemerhati politik tempatan sebagai pembuka ruang yang lebih luas kepada Dompok untuk memecah tradisi pelantikan Ketua Menteri dari kalangan yang bukan Timbalan Ketua Menteri.

Bagaimanapun, peluang Kurup dianggap masih terbuka kerana kenyataan Perdana Menteri itu boleh bermaksud bahawa Ketua Menteri baru juga boleh dilantik daripada penyandang Timbalan Ketua Menteri sekarang.

Fasa ketiga sistem penggiliran itu juga dilihat mempunyai makna yang besar bagi pemerhati politik di Sabah kerana ia dianggap sebagai "penanda" kepada pilihan raya negeri yang akan datang.

"Orang akan mengaitkan pilihan raya akan datang dengan (fasa ketiga) penggiliran jawatan itu. Orang akan tanya sama ada pilihan raya akan diadakan sebelum atau selepas penggiliran," kata seorang pemerhati.

Menurut kalangan pemerhati lagi, jika pilihan raya diadakan pada 1999, pemimpin masyarakat Bumiputera bukan Islam hanya mempunyai kurang setahun untuk menerajui kerajaan sebelum pilihan raya diadakan.

Sebaliknya, mereka berkata, jika pilihan raya diadakan selepas penggiliran itu dilaksanakan, maka Ketua Menteri daripada kaum Bumiputera bukan Islam, akan berpeluang memimpin kerajaan untuk tempoh dua tahun tanpa diganggu oleh proses pilihan raya.

Di kalangan kaum Kadazandusun sendiri, pelantikan seorang Ketua Menteri berdasarkan sistem penggiliran jawatan itu mempunyai makna yang lebih besar dan bukan semata-mata satu kebetulan ekoran wujudnya sistem penggiliran jawatan berkenaan.

"Lebih daripada itu, ia adalah satu ujian dan siapa juga yang akan dilantik ke jawatan itu, perlu membuktikan kewibawaannya dalam menerajui kerajaan negeri," kata Majawab Masantun, seorang Kadazandusun dari Kota Marudu di utara Sabah.

Mei, bulan jawatan Ketua Menteri Sabah akan bertukar tangan, merupakan bulan yang dianggap meriah bagi kalangan masyarakat Kadazandusun kerana sambutan Tadau Kaamatan, atau pesta menuai dan kemuncak perayaan itu ialah pada 31 Mei setiap tahun.

Mungkinkah teka-teki mengenai siapa bakal Ketua Menteri baru dari kalangan masyarakat itu akan terjawab menjelang kemuncak perayaan itu? --
BERNAMA

JS NMO